

"BRUNEI sudah benar-benar matang dalam kehidupan berugama. Rakyatnya juga tidak perlu lagi diajar bagaimana memiliki yang terbaik untuk dirinya. Semuanya itu sudah sempurna dilalui dan malah telah menjadi pegangan yang mantap".
- Titah Sempena Awal Tahun Hijrah 1438.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
5.03 5.13 6.35 6.58 12.32 3.54 6.27 7.41

TAHUN 65 / BILANGAN 9

20 JANUARI 2020 / 1441 24 جمادى الاول

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

Dijatuhi hukuman penjara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Yang Arif Hakim Gareth Lugar-Mawson menjatuhkan hukuman penjara kepada Tertuduh Pertama, iaitu Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman yang disabit bersalah bagi kesalahan pecah amanah dan pembersihan wang haram dan Mahkamah Tinggi memerintahkan untuk kesemua hukuman dijalankan secara serentak, iaitu sejumlah 10 tahun penjara.

Manakala, Tertuduh Kedua iaitu Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin sabit bersalah bagi setiap enam kesalahan pembersihan wang haram dan mahkamah menjatuhkan hukuman lima tahun dan diperintahkan berjalan secara serentak, iaitu sejumlah lima tahun penjara.

Ke muka 3

Memudah cara proses pengurusan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah pun menyusun beberapa inisiatif dan rancangan bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memajukan, di samping kekal memelihara kesejahteraan dan keamanan Negara Brunei Darussalam.

Selaras dengan rancangan strategi kementerian tersebut, ia juga bagi membantu mengukuhkan keselamatan, kesejahteraan, memangkin sosioekonomi dan meningkatkan perpaduan masyarakat.

Ke muka 4



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa mempengerusikan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2020.

Titah perintah pelantikan

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi pelantikan Ketua Penasihat Undang-Undang, Bahagian Keadilan

Jenayah, Pejabat Peguam Negara, Dayang Hajah Suhana binti Haji Sudin sebagai Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah pada menggantikan Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti C.A.Mohamed.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Sabtu, 22 Jamadilawal 1441 bersamaan 18 Januari 2020.

Menggapai Husnul Khatimah, impian setiap insan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Januari. - Manusia memang tidak berkuasa untuk mematikan dirinya apatah lagi di dalam Islam, namun Allah Subhanahu Wata'alha memberikan jalan bagi kita, umat Islam untuk mati di dalam Husnul Khatimah, iaitu kesudahan atau kematian yang terbaik dan dalam keredaan Allah.

Untuk mendapatkan kesudahan yang baik, umat Islam hendaklah sentiasa menjaga serta menjalankan perintah yang diwajibkan ke atas diri kita sebagaimana

umat-umat yang terdahulu serta terus memanjatkan doa ke hadrat Ilahi agar kesudahan kelak di dalam Husnul Khatimah.

Perkara tersebut merupakan sebahagian daripada inti pati Tazkirah Subuh semasa Program Masjidku Makmur Negara Berkat yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini. Kali ini, tazkirah mengemukakan tajuk 'Sentiasa Memohon Husnul Khatimah', disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Sahri bin Haji Sulaiman (**Gambar**).

Ke muka 8



"DAN apabila Kami mengurniakan nikmat kepada manusia, dan berpaling (tidak bersyukur) serta menjauhkan diri dengan sombong dan apabila dia ditimpah kesusahan dia berputus asa".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alha dalam Surah Al-Isra', ayat 83.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
 infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



KHEDN lancar tiga inisiatif
Muka 5



MoU tingkat kualiti perubatan
Muka 6



MENGIKTIRAF bakat bidang terjemahan
Muka 8



HASILKAN tasbih dukung seruan Negara Zikir
Muka 21

Warga emas pembimbing terbaik generasi terkini

Bismillahir Rahmani Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera
ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga dapatlah kita berkumpul pada pagi ini bagi menghadiri Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) WARGAMAS Yang Pertama, yang ulung.

Terlebih dahulu, sukacita peramba / kaola / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin, Yang Di-Pertua serta seluruh warga Pertubuhan WARGAMAS atas penghormatan yang diberikan kepada peramba / kaola / saya hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis yang penuh bermanfaat ini.

Peramba / kaola / saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk sama-sama menyaksikan pencapaian signifikan ini yang menggambarkan tanggungjawab dan komitmen tinggi pihak kepimpinan Pertubuhan WARGAMAS untuk bergerak aktif dalam memastikan kesejahteraan ahli-ahlinya, mahupun semua golongan warga emas di negara ini.

Setentunya, sebagai insan yang kaya dengan pengalaman dan sumber pengetahuan yang sungguh bermanfaat kepada negara, golongan warga emas adalah pembimbing terbaik bagi generasi terkini kerana biskitalah aset yang amat bernilai dalam menyumbangkan buah fikiran berdasarkan pengetahuan dan kebijaksanaan yang sedia ada pada diri abiskita. Kita amat berbangga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga terus memperakui dan mengiktiraf kepentingan warga emas, bukan sahaja kerana golongan warga emas merangkumi lebih 8 peratus daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, tetapi apa yang lebih penting ialah sumbangan signifikan yang telah dan terus diberikan oleh warga emas kepada pembangunan bangsa dan negara, terutamanya dalam membentuk masyarakat masa kini hingga mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

Oleh yang demikian, peramba / kaola / saya amat menyambut baik penubuhan WARGAMAS yang bermatlamat untuk menyatukan golongan warga emas untuk terus menerajui dan menjayakan Wawasan Brunei 2035, khususnya pencapaian kualiti hidup yang tinggi dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Objektif tersebut juga sangat bertepatan



MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHsan bin PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WARGAMAS KALI PERTAMA PADA SABTU, 15 JAMADILAWAL 1441 HIJRAH BERSAMAAN 11 JANUARI 2020 MASIH DI DEWAN KULIAH, STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS.

dengan hala tuju Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial dalam usaha berterusan untuk menjamin kebajikan, kesihatan dan pembangunan seluruh warga emas di negara ini, khususnya melalui Pelan Tindakan Warga Emas. Oleh itu, kita amat berbangga dan berbesar hati golongan warga emas telah terlibat secara langsung ke arah penambahbaikan Pelan Tindakan berkenaan pada bulan Oktober 2018 yang lalu demi memastikan tindakan-tindakan yang telah digariskan benar-benar mencerminkan keperluan dan kemauan golongan warga emas sendiri. Sumbangan biskita ini mempunyai nilai yang amat tinggi dan insyaAllah, kita akan sentiasa berusaha demi memastikan setiap inisiatif yang diambil mencapai impak yang diharatkannya dalam memelihara kesejahteraan golongan warga emas di samping memastikan golongan warga emas akan terus dihormati serta dilibatkan secara aktif dalam pembangunan negara. Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Mulia Pengurus tadi, kita akan terus bekerjasama secara *hand in hand*.

Pada masa yang sama, apa yang turut membanggakan peramba / kaola / saya

juga difahamkan para warga emas turut terpanggil untuk menyumbang secara bermakna ke arah kesejahteraan dan pembangunan negara secara keseluruhannya. Di sini, kita sungguh berbesar hati objektif Pertubuhan WARGAMAS menggariskan komitmennya ke arah peningkatan sosioekonomi negara, termasuk pembasmi kemiskinan melalui pembangunan perekonomian negara dan mengurangkan pengangguran yang selaras dengan Pelan Tindakan Isu Kemiskinan. InsyaAllah, pelan ini sedang direbu bagi memastikan ia tetap relevan dan lebih fokus untuk menangani cabaran-cabaran kritis. Sememangnya, kejayaan usaha ini amat memerlukan pendekatan Whole of Nation dan kita melihat golongan warga emas sebagai rakan strategik yang sangat kritis dalam mencari dan melaksanakan tindakan-tindakan dalam menangani cabaran ini secara efektif.

Dalam usaha ini, sukacita peramba / kaola / saya mengongsikan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan. Dari aspek usaha untuk mengurangkan pengangguran, sepertimana yang dinyatakan tadi, Alhamdulillah, badan Manpower Planning and Employment Council (MPEC) di Jabatan Perdana Menteri telah pun ditubuhkan pada tahun ini yang menumpukan usaha untuk menangani isu pengangguran bukan sahaja di kalangan graduan, tetapi juga di kalangan golongan sasaran. Kita telah pun mengadakan mesyuarat kedua pada minggu lepas. Mengongsikan Kementerian ini sendiri juga berusaha untuk menangani isu pengangguran dengan penubuhan JobCentre tersendiri yang ditumpukan kepada golongan sasaran yang terus dilaksanakan dari tahun lepas.

Manakala dalam usaha untuk membasmi kemiskinan beberapa perusahaan telah pun ditubuhkan dengan bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi kalangan golongan susah, ibu-ibu tunggal dan orang kelainan upaya. Geran telah pun diberikan kepada golongan ini, bukan setakat belia sahaja. Para kaum hawa telah berjaya menjalankan usaha sehingga menghasilkan dua ratus pasang baju. Dalam usaha ini, usaha juga telah memberikan pekerjaan kepada para belia dengan platform bagi mereka untuk melaksanakan perusahaan tekstil. Objektif mereka adalah untuk menghasilkan 5,000 pasang baju untuk dieksport ke Amerika Syarikat. Kita juga tidak lupa OKU yang turut berlatih dalam Pusat Pembangunan Belia dalam penjahitan. Kita ingin usaha ini untuk diselaraskan dengan usaha warga emas.

Ke muka 19

20 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 24

SENTIASA PANTAU TAHAP KESIHATAN

KESIHATAN ibarat mahkota di atas kepala orang yang sakit dan ia tidak akan diketahui melainkan oleh orang-orang yang dalam keadaan sakit. Sesungguhnya kesihatan tubuh badan adalah punca kebahagiaan dan kesenangan. Oleh itu, janganlah kita lupa untuk menghargai kesihatan yang dimiliki kerana apabila sudah jatuh sakit barulah sedar dan merasakan betapa nikmatnya sihat itu.

Pada masa ini, negara juga tidak ketinggalan menerima berita berkaitan dengan jangkitan pernafasan akut yang teruk di Bandar Wuhan, China atau Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS). Namun orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak berasa cemas dan panik kerana berdasarkan analisis terhadap virus influenza yang dikesan daripada pemantauan tersebut tidak menunjukkan sebarang tanda kemunculan virus influenza yang baharu (novel virus) dan tidak ada kaitan dengan jangkitan tersebut di negara ini.

Virus influenza bermusim hanya menyebabkan demam selesa yang ringan pada orang biasa, tetapi boleh menyebabkan jangkitan teruk kepada kumpulan berisiko tinggi, seperti warga tua, wanita mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, asma (ampus) dan lain-lain.

Orang-orang yang berisiko tinggi, khususnya seperti yang disebutkan di atas adalah amat digalakkan untuk mendapatkan suntikan vaksin influenza bermusim.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan melaksanakan pemantauan secara berterusan sejak 2009 di mana kadar jumlah pesakit menghidap penyakit serupa influenza atau Influenza Like-Illness (ILI) yang mendapatkan rawatan di beberapa buah Pusat Kesihatan di negara ini; dan kadar pesakit yang menghidap Jangkitan Pernafasan Akut yang Teruk atau Severe Acute Respiratory Infection (SARI) yang dirawat di hospital-hospital kerajaan.

Berdasarkan pemantauan tersebut, didapati terdapat peningkatan jumlah pesakit yang menghidap ILI sejak bulan Disember 2019 hingga sekarang, di mana setakat ini, seramai 6,274 orang mendapatkan rawatan di Pusat-pusat Kesihatan berbanding dengan 5,163 orang dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Oleh itu, antara langkah pencegahan penularan jangkitan influenza, termasuk bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk melancarkan ke luar negara, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan langkah pencegahan berikut. Mengelakkan tahap kebersihan diri yang tinggi; Kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun, atau *hand sanitizer*; Mengamalkan adab batuk / bersin yang baik; Tidak bergaul dengan orang yang sedang menghidap flu; dan Sentiasa mengamalkan cara hidup sihat.

Oleh yang demikian, jika awda ada yang mengalami tanda-tanda jangkitan influenza adalah dinasihatkan untuk mengamalkan perkara-perkara berikut, iaitu berehat di rumah atau tempat penginapan dan tidak pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika awda ke tempat awam adalah dinasihatkan untuk memakai penutup hidung dan mulut dengan betul bagi mengelakkan penularan jangkitan. Selain itu, menutup hidung dan mulut dengan tisu, tuala atau sapu tangan apabila batuk atau bersin lalu membuangnya ke dalam tong sampah dengan segera.

Di samping itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk segera berjumput doktor untuk mendapatkan pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut jika sekiranya gejala flu bertambah teruk. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga akan terus memantau trend penyakit influenza di negara ini, dan akan berusaha untuk memaklumkan orang ramai sebarang status terkini mengikut kesesuaian. Akhirnya, semoga negara kita diajauhi daripada sebarang ancaman penyakit dan sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Aamiin Ya Rabbalalamin.*

- Ketua Penyuntingan (Rd).

Dari Sidang Pengarang.

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	32 °C	32 °C
26 °C	26 °C	27 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	32 °C	32 °C
26 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	31 °C
26 °C	26 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	32 °C	32 °C
26 °C	26 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."									
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
20	ISNIN	24	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27 7.41
21	SELASA	25	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28 7.41
22	RABU	26	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28 7.41
23	KHAMIS	27	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28 7.41
24	JUMAAT	28	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29 7.42
25	SABTU	29	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29 7.42
26	AHAD	1 JAMADILAKHIR	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29 7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Dijatuhi hukuman penjara



TERTUDUH Pertama, iaitu Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dijatuhi hukuman penjara selama 10 tahun (kiri), manakala gambar kanan, Tertuduh Kedua, iaitu Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dijatuhi hukuman penjara selama lima tahun.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Dari muka 1

Kesalahan pecah amanah yang dilakukan oleh Tertuduh Pertama di dalam menjalankan kuasanya sebagai Pegawai

Kehakiman merupakan kesalahan yang amat serius. Perkara itu dinyatakan oleh Jonathan Caplan QC yang hadir bagi pihak pendakwa raya dan menekankan bahawa faktor-faktor buruk terhadap kes berkenaan.



Kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan dalam tempoh masa yang panjang, iaitu selama 14 tahun di antara tahun 2004 dan 2017. Beliau juga menekankan bahawa sejumlah wang BND15.75 juta disalahgunakan dan ia merupakan jumlah yang besar dan sebanyak BND6 juta lebih masih lagi tidak dapat dikesan.

Manakala tujuan Tertuduh

Kedua dalam melakukan kesalahan-kesalahan pembersihan wang haram adalah untuk mendapatkan gaya hidup mewah yang tidak dapat diperolehnya selaku seorang Pegawai Kehakiman. Kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan oleh seorang hakim yang berpengalaman khususnya dalam bidang undang-undang jenayah.

Dalam hujah pembalasan

beliau, Simon Farrell QC menekankan beberapa faktor bagi mengurangkan hukuman kedua-dua tertuduh. Beliau mengatakan bahawa memang tidak dapat disangkal lagi kesalahan-kesalahan ini adalah serius kerana ia dilakukan oleh pegawai-pegawai hakim, seterusnya menyebabkan orang awam kurang kepercayaan terhadap sistem keadilan negara ini.

Perbicaraan ini memberikan kesan yang mendalam. Salah satu hukuman paling berat yang dialami oleh kedua-dua tertuduh ialah perpisahan daripada ahli keluarga mereka. Tertuduh juga dilaporkan memerlukan perubatan dan dalam keadaan kesihatan yang kurang baik.

Tertuduh Kedua adalah seorang bekas hakim bidang jenayah dan bekas pendakwa raya. Peguam belanya menekankan bahawa Tertuduh Kedua memerlukan perlindungan di penjara daripada penjenayah-penjenayah yang ditempatkan di tempat yang sama dengan Tertuduh Kedua.

Sehubungan itu, beliau meminta supaya Tertuduh Kedua diperintahkan untuk menjalankan khidmat kemasyarakatan bagi menggantikan hukuman penjara atau memendekkan lagi tempoh penjara.

Padah pecah amanah, ketidakjujuran



KEDUA-dua tertuduh dijatuhi hukuman penjara atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Dalam menjatuhkan hukuman, Yang Arif Hakim Gareth Lugar-Mawson mengulas bahawa adalah mustahil untuk mendapat kes kesalahan pecah amanah yang lebih teruk daripada kes ini sama ada di Brunei Darussalam ataupun di negeri-negeri

lain.

Selama 14 tahun, Tertuduh Pertama mengambil kesempatan ke atas satu sistem yang tidak sempurna untuk memperkayakan dirinya dan keluarganya secara tidak jujur dengan pembelian kereta-kereta dan barang mewah.

Yang Arif Hakim Gareth Lugar-Mawson telah menjatuhkan hukuman penjara ke atas Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin di Mahkamah Tinggi, hari ini.

Kes pecah amanah yang dilakukan oleh Tertuduh Pertama telah menyebabkan lebih daripada 200 orang penghutang penghakiman tidak dapat menjelaskan hutang-hutang mereka. Terlalu sukar untuk membayangkan bagaimana penghutang-penghutang ini dan juga pemutang penghakiman akan dapat dibayar balik terhadap apa yang telah diambil.

Tanpa sebarang keraguan, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa Tertuduh Kedua mengetahui isterinya menggunakan wang daripada akaun-akaun penerima rasmi secara tidak jujur dan dia sendiri tidak mempunyai masalah untuk berkongsi gaya hidup mewah bersama Tertuduh Pertama. Dia sepatutnya melaporkan perbuatan isterinya itu, akan tetapi gagal berbuat demikian.

Kedua-dua tertuduh membuang peluang mereka untuk menerima pengurangan di dalam hukuman mereka apabila mereka memilih untuk membawa kes itu ke perbicaraan. Mereka berasa

bahawa kedudukan mereka di Jabatan Kehakiman dan juga status mereka dalam kalangan masyarakat akan melindungi mereka, tetapi mereka salah dalam beranggapan sebegitu. Walaupun mereka sebelum ini mempunyai perwatakan yang baik, ini tidak ada memberi kesan apa pun ke atas hukuman mereka.

Simon Farrell QC memohon supaya hukuman penjara ini untuk tidak dijalankan dahulu sehingga rayuan didengar di Mahkamah Rayuan kerana ada beberapa isu perundangan yang perlu diputuskan semasa rayuan.

Walau bagaimanapun, pihak Pendakwa Raya membantah permohonan ini. Yang Arif Hakim Lugar-Mawson menolak permohonan tersebut dan memerintahkan supaya hukuman penjara dijalankan dengan serta-merta.

Tidak ada permohonan rasmi dibuat mengenai penggantungan yang telah diperintahkan oleh Hakim ke atas kesalahan memiliki harta yang tidak dapat dijelaskan di bawah Bab 12 Akta Pencegahan Rasuah. Permohonan bagi hal tersebut akan dibuat semasa rayuan nanti.

Pendakwa Raya juga menyatakan bahawa mereka akan memohon untuk pembayaran sebahagian kecil daripada kos pendakwaan dalam menjalankan kes berkenaan, iaitu dalam jumlah BND1 juta terhadap Tertuduh Pertama dan BND500,000

terhadap Tertuduh Kedua.

Perkara tersebut akan didengarkan pada hari yang lain. Jika sekiranya tertuduh tidak dapat mematuhi perintah bagi membayar kos, hukuman penjara tambahan bagi kegagalan ini akan dijatuhkan.

Pihak Pendakwa Raya memfailkan notis perintah larangan di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah bagi kesemua harta benda yang dirampas oleh Biro Mencegah Rasuah. Perintah ini adalah untuk mencegah harta benda tersebut untuk dilepaskan, diambil atau digunakan dalam apa jua cara kerana satu perintah perampasan akan dipohonkan bagi harta benda tersebut.

Harta benda tersebut adalah termasuk 21 kereta mewah dan juga 456 barang berjenama seperti jam tangan, beg tangan, aksesori dan kasut. Pendakwa Raya juga akan memohon perintah pemulihan manfaat bagi wang-wang yang tidak dapat dikesan itu.

Permohonan - permohonan berkenaan akan didengarkan pada bulan Februari 2020. Jonathan Caplan QC dan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suhana binti Haji Sudin, Hajah Suriana binti Haji Radin, Dayangku Didi-Nurafiza binti Pengiran Haji Abdul Latiff dan Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman hadir bagi pihak Pendakwa Raya. Simon Farrell QC dan Sheikh Noordin Sheikh Mohammad, hadir bagi pihak tertuduh.

Memudah cara proses pengurusan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menggariskan perkara itu semasa mempengerusikan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2020 bertempat di Bangunan Jabatan

Daerah Brunei dan Muara, di sini. Jelasnya, inisiatif dan rancangan tersebut antaranya memudah cara proses pengurusan dengan menambah beberapa perkhidmatan dalam talian termasuklah pembayaran perkhidmatan menggunakan kad debit / kredit di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi meningkatkan kualiti kerja dan memberi kemudahan

orang ramai untuk membuat urusan di jabatan tersebut.

"Kita juga di dalam proses melaksanakan sistem e-Voting. Sistem aplikasi ini nanti akan dapat digunakan untuk mengundi calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung," ujarnya lagi.

Yang Berhormat juga menegaskan pihak kementerian kini dalam proses membuat pindaan kepada beberapa akta seperti Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 dalam menangani isu pembuangan sampah dengan

mengenakan denda yang lebih berat dan juga Fire Safety Order 2016 (mengawal keselamatan kebakaran ke atas premis-premis perniagaan), di mana dengan adanya perubahan-perubahan tersebut, ia akan mengenakan kompaun ke atas premis-premis perniagaan yang tidak mengikuti peraturan yang telah ditetapkan.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan program rakan seliaan yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Penjara yang bertujuan bagi

membantu bekas-bekas pesalah kepada pengintegrasian ke dalam masyarakat.

Jabatan Penjara ujarnya, telah dan akan terus bekerjasama dengan Agensi-agensi Kerajaan dan khasnya Bukan Kerajaan seperti NGOs dan pihak swasta bagi sama-sama mendukung program-program rehabilitasi yang diaturkan oleh Jabatan Penjara seperti penyediaan pekerjaan dan dorongan untuk mereka bergiat di dalam aktiviti perusahaan mikro dan kecil-kecilan melalui penglibatan ekspo dan seumpamanya.

Pendekatan ke arah meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini katanya, juga dilaksanakan melalui program-program yang menghasilkan masyarakat yang sentiasa siap siaga atau *emergency* dan *disaster ready*.

Oleh yang demikian, sesi muzakarah kali ini diharap dapat dijadikan sebagai wadah untuk bertukar-tukar fikiran, mengongsikan pandangan yang membina, menerima cadangan dan juga mendengar isu-isu semasa yang akan dapat menyumbang kepada merapatkan lagi jurang dalam perkhidmatan dan dasar kementerian tersebut ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan dan peningkatan kesejahteraan orang awam dan merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.



SESI Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN 2020.

Jalin kerjasama erat bersama MMN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Komitmen dan kehebatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam memastikan fungsi yang diamanahkan kepada KHEDN dan jabatan-jabatan yang berada di bawahnya telah dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai kejayaan yang membanggakan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong Zon 2, Daerah Brunei dan Muara berkata, cabaran-cabaran yang bermacam bentuk yang telah ditangani mengikut keperluan dan juga keutamaan-keutamaannya.

Menurutnya lagi, sebagai satu-satu kementerian yang memainkan peranan yang sangat penting dan urus tadbir Brunei Darussalam, sama ada secara *independent* atau berkolaborasi makanya sesi muzakarah itu sangat-sangat bermanfaat dan berharga kepada mereka semua terutama rakyat di kawasan yang dipertanggungjawabkan dan di bahagian masing-masing untuk mendengar dan mengetahui penerangan isu-isu semasa yang dikendalikan oleh KHEDN.

Hadir mempengerusikan muzakarah tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Sesi Muzakarah bersama

Ahli-ahli MMN yang berlangsung di Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara itu diisikan dengan ucapan alu-aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ia merupakan cermin persefahaman, kemauafakan dan hubungan kerjasama yang baik di antara pihak kerajaan dengan rakyat dan penduduk di negara ini khususnya bagi KHEDN dan juga para ahli MMN yang sentiasa terjalin erat dan mesra.

Perbincangan yang diadakan dalam suasana silaturahim, muhibah dan secara terbuka yang boleh dijadikan wacana permuzakarahan yang bermanfaat untuk kemajuan juga keamanan negara serta kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk di negara ini.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong Zon 2, Daerah Brunei dan Muara (dua, kanan) semasa berucap pada Sesi Muzakarah berkenaan.



PERBINCANGAN diadakan dalam suasana silaturahim, muhibah dan secara terbuka (atas dan kanan).



KHEDN lancar tiga inisiatif



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa melancarkan Logo INSAF pada Majlis Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).



GADONG, Sabtu, 18 Januari. - Tiga inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di bawahnya, iaitu laman sesawang Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Logo INSAF dan Pembayaran Menggunakan Kad Debit / Kredit bagi Permohonan Dokumen Perjalanan dilancarkan pada Majlis Hari Terbuka.

Pelancaran yang berlangsung di Atrium, The Mall itu disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pelancaran laman sesawang 1K1P ialah salah satu inisiatif KHEDN bagi menyediakan platform tambahan dalam memasarkan produk-produk 1K1P yang terdapat di keempat-empat buah daerah.

Laman sesawang tersebut bertujuan untuk mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk-produk 1K1P kepada masyarakat tempatan dan juga luar negeri yang memaparkan maklumat pengusaha 1K1P yang lengkap, termasuklah nama, alamat dan nombor perhubungan pengusaha terlibat selain maklumat seperti nama produk, harga dan gambar produk-produk 1K1P.

Sebagai permulaan, seramai 30

AHLI-ahli MMN dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang hadir menyaksikan Pameran Hari Terbuka KHEDN (kiri dan kanan).

pengusaha 1K1P dan lebih 100 jenis produk 1K1P dimuat turun ke dalam laman sesawang berkenaan.

KHEDN dengan kerjasama Jabatan-jabatan Daerah akan mengemaskinikan lagi maklumat dan menambahkan bilangan pengusaha-pengusaha 1K1P yang akan dimasukkan ke dalam laman sesawang tersebut secara berperingkat-peringkat.

Untuk maklumat lanjut, para pengguna bolehlah melayari www.1kp.gov.bn.

Logo INSAF bermula daripada perkataan 'Insaf' yang bererti satu doa dan harapan dari seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam untuk banduan-banduan berubah ke arah kebaikan. Konsep coraknya berbentuk Air Muleh merupakan identiti keBruneian.

Logo tersebut melambangkan

bahawa seseorang mendapat hidayah selepas melakukan kesalahan dan akhirnya balik ke pangkal jalan manakala persepsi logo, iaitu bentuk air mata tangisan disebabkan suka dan duka dalam kehidupan.

Manakala, Pembayaran Menggunakan Kad Debit / Kredit bagi Permohonan Dokumen Perjalanan memudahkan orang ramai dalam perkhidmatan permohonan dokumen perjalanan iaitu yang berhasrat untuk mendaftar dan membaharu pasport dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).

Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi melalui talian +673 2383106 / +673 2381107 atau melayari immigration.gov.bn atau berkunjung terus ke JIPK, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan.



Peka kehendak, keperluan masyarakat!

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Sabtu, 18 Januari. - Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dihasilkan menjadi landasan ataupun platform bagi pihak kementerian membuat *public engagement* atau pendekatan awam untuk mendengar, berkongsi maklumat dan saling bertukar pandangan dan idea dengan pihak-pihak berkepentingan juga orang ramai secara amnya.

Hal ini kerana supaya pihak kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya akan lebih peka terhadap kehendak dan keperluan masyarakat dan pihak berkepentingan di dalam merancang dasar, program atau projek yang bersesuaian di dalam meningkatkan lagi keberkesan-

pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut menjelaskan perkara tersebut semasa Majlis Hari Terbuka KHEDN yang berlangsung di Atrium, Tha Mall, di sini.

Menurutnya, ia merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan dengan membuka ruang untuk mendekati masyarakat supaya masyarakat akan peka dan mengetahui dengan lebih mendalam lagi terhadap fungsi, peranan dan tugas serta tanggungjawab kementerian

berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Beliau menambah, ia juga untuk memberi peluang bagi pihak mereka menyalurkan maklumat terkini berkaitan perkhidmatan semasa dan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan dalam mencapai visi KHEDN iaitu 'Masyarakat Bersatu Padu dan Dinamik Ke Arah Negara Brunei Darussalam yang Selamat dan Sejahtera'.

Perasmian Hari Terbuka KHEDN dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya itu disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong Zon 2, Daerah Brunei dan Muara.

Inisiatif tersebut merupakan

pendekatan strategik KHEDN yang diharapkan akan dimanfaatkan sepenuhnya dengan memperkenalkan dan mengetengahkan pelbagai inisiatif dan program jabatan-jabatan di bawah KHEDN kepada orang ramai, yang menjurus ke arah pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035 khususnya taraf hidup yang berkualiti tinggi.

Sebanyak lapan petak disediakan yang memaparkan pelbagai pameran dan bahan-bahan daripada pihak KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang terdiri daripada Jabatan-jabatan Daerah, Jabatan-jabatan Bandaran, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Penjara, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Bahagian Hiburan Awam KHEDN.

Turut menyertai, pengusaha-pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang memperkenalkan jualan makanan dan produk kraf tangan daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Rumah Panjang Melilas, MPK RPN Kampung Panchor, MPK Kapok, MPK Batu Apoi, MPK Tungku Katok, MPK Mumong, MPK Rataie, MPK Penabai / Kuala Tutong dan Majlis Perundingan Mukim (MPM) Tanjung Maya.

Sepanjang hari terbuka itu, juga diadakan beberapa aktiviti sampingan seperti kuiz kepada para pengunjung yang hadir dan seterusnya berpeluang untuk memenangi hadiah menarik, selain menyaksikan demonstrasi menyelamat mangsa oleh JBP dan demonstrasi sebat sivil dan syariah dari Jabatan Penjara.



SETIAUSAHA Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut berucap pada Majlis Hari Terbuka KHEDN.

Acara anjuran KHEDN itu, antara lain bertujuan bagi menghubungkan perkhidmatan awam dengan semua lapisan masyarakat, di samping untuk memaklumkan orang ramai mengenai fungsi, peranan, tugas dan tanggungjawab, serta perkembangan terkini KHEDN dan 12 jabatan di bawahnya.

Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke Hari Terbuka KHEDN yang diadakan selama dua hari bermula jam 10.00 pagi hingga 8.00 malam untuk mengetahui dengan lebih terperinci dan memberi maklum balas kepada pihak KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya dan bekerjasama dengan pihak kementerian bagi memberi idea-idea baharu yang bernes untuk tujuan kebaikan bersama selaras dengan misi kementerian, iaitu 'Bekerjasama dengan Masyarakat untuk Keselamatan dan Keamanan'.



AHLI-ahli MMN yang hadir pada Majlis Hari Terbuka KHEDN 2020 yang diadakan di Atrium, Tha Mall, Gadong.

MoU tingkat kualiti perubatan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC (tengah) semasa hadir pada Majlis Penandatanganan MoU berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) dan Kumpulan Hospital TOHOKU Selatan (STHG) dari Jepun menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Menteri Besar.

Bagi pihak PJSC ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Awang Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar,

manakala bagi pihak STHG diwakili oleh Naib Presiden STHG, Dr. Sadayoshi Watanabe.

MoU itu disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin

Liew bin Abdullah selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC dan Penasihat Kanan di STHG dan Presiden

Yayasan Penjagaan Kesihatan Antarabangsa, Profesor Kanichi Seto.

Menurut PJSC, memorandum ini akan menyokong PJSC dalam mencapai sasaran yang berkaitan dengan kesihatan, berasaskan nilai awal inovasi, di mana akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan di bawah portfolionya.

Langkah ini selaras dengan wawasannya untuk menjadi pusat perubatan khusus yang terkemuka dan inovatif terutama dalam bidang



MoU itu disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew.

penyakit kanser dan rawatannya. PJSC merupakan pembekal penjagaan kesihatan, yang terdiri daripada tiga pusat perkhidmatan khusus, iaitu Pusat Kanser Brunei, Brunei Neuroscience Stroke & Rehabilitation Centre dan Maxillofacial, Facial Plastic and Pusat Pembedahan Rekonstruktif yang dilengkapi dengan kemudahan penjagaan perubatan dan pemuliharaan.

Tetamu kehormat dari STHG, Jepun juga berpeluang untuk melawat dan mengadakan lawatan

ke pusat-pusat tersebut semasa lawatan mereka ke Negara Brunei Darussalam.

STHG merupakan perkhidmatan konglomerat kebajikan dan syarikat perubatan sosial di Jepun.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, STHG mempelopori pembangunan Pusat Proton Beam Therapy dan Pusat Penyelidikan BNCT (Boron Neutron Capture Therapy) yang menjadi pusat penjagaan kritis pertama untuk pesakit tempatan dan antarabangsa.

Pelantikan ahli baharu PUJA

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 18 Januari. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menekankan bahawa tahap pengangguran yang tinggi merupakan satu cabaran yang sering dihadapi ketika ini malah keperluan dalam melahirkan lebih banyak ahli profesional dalam jurusan juruukur bahan, kejuruteraan, arkitek, juruteknik, teknokrat dan saintis terus meningkat khususnya dalam industri pembangunan.

Dalam masa yang sama, setiap tahun institusi pengajian tinggi di negara ini terus melahirkan belia yang berpendidikan dan belia tersebut diharap akan dapat

menyumbang kepada transformasi positif.

Sehubungan itu, PUJA menerusi tenaga kerja muda tempatan akan dapat dimanfaatkan apatah lagi dalam jurusan teknikal dan vokasional (TVET) dan melahirkan lebih banyak pakar tempatan di sektor industri pembangunan melalui penglibatan yang aktif dan sihat.

Menteri Pembangunan menekankan perkara tersebut semasa hadir selaku tetamu kehormat di Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) bagi Sesi 2018/2019 dan pengundian bagi ahli majlis yang baharu bagi Sesi 2020 / 2021.

Yang Berhormat yakin menerusi PUJA yang kini mempunyai lebih 1,000 orang ahli sejak ia ditubuhkan pada tahun 1984 akan terus menyumbang kepada perkembangan positif di dalam pembangunan negara. Ini terbukti lebih-lebih lagi Pertubuhan PUJA yang telah melakar banyak kejayaan antaranya peneraju kepada ASEAN TVET Program, kemasukan kepada Architect Regional Council of Asia (ARCASIA), CAFEQO dan PAQS serta penganjuran Mid-Term Meeting of ASEAN Federation of Engineering Organisation AFEO dan akan datang nanti sebagai tuan rumah kepada 39th Conference of ASEAN Federation of Engineering Organisation (CAFEQO) menjelang tahun 2021.

Terdahulu semasa ucapan alu-aluan, Presiden PUJA 2018 / 2019, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang

Haji Abdul Rahman turut mengongsikan beberapa pencapaian yang telah memberikan impak positif kepada PUJA ialah dengan pembukaan PUJA Hub yang ditempatkan di Universiti Teknologi Brunei.

Melalui PUJA Hub tersebut, ia merupakan pusat kepada PUJA Council, ahli komiti dan ahli-ahli dari sudut mengembangkan pertalian dengan institusi luar negara melalui penandatanganan Memorandum Kerjasama (MoC). Selain itu, PUJA turut meriah pengiktirafan bagi PUJA Professional Assessment (PPA) Route 2 for Professional Engineer and Surveyors yang dianugerahkan oleh Board of Architects, Professional Engineer and Quantity Surveyors (BAPEQS) pada tahun lalu.

Majlis yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan itu diteruskan dengan Mesyuarat Agung Tahunan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada majlis berkenaan.

yang telah dipengerusikan oleh Presiden PUJA sendiri bagi Sesi 2018 / 2019 dan melantik ahli majlis baharu bagi Sesi 2020 / 2021.

Mesyuarat diteruskan dengan pelantikan Ir. Haji Mohammad Zin bin Haji Salleh sebagai Presiden baharu yang dipilih PUJA; Ar. Zul'Amali bin Dato Paduka Haji Idris sebagai Naib Presiden Bahagian Arkitek; Ir. Alice Lim sebagai Naib Presiden Bahagian Jurutera dan Sr. Haji Abd Zariful bin Mohamed sebagai Naib Presiden untuk bahagian juruukur; diikuti Ir. Chin Lee Tuck sebagai Ketua Setiausaha; Sr. Hajah Hajjah binti Haji Salleh sebagai Bendahari dan Ir. Bahrain Mohammad sebagai Ahli Umum 1; Ir. Haji Mohd Yunus bin Haji Mohd Yusof sebagai Ahli Umum 2; Ir. Julian Fung sebagai Ahli Umum 3 bersama dengan Ir. Haji Rahman bin Modin.



PRESIDEN PUJA 2018 / 2019, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman (dua, kiri) semasa mempengerusikan mesyuarat (kiri). Sementara gambar kanan, antara Ahli PUJA yang hadir semasa mesyuarat tersebut.

TSK Jr juara Kejohanan Piala Belia Di Bawah 13 Tahun



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Mutaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai Kejohanan Piala Belia Di Bawah 13 Tahun (atas dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Januari. - Kejohanan Piala Belia Di Bawah 13 Tahun



meraih kemenangan tanpa kalah di Gelanggang Bola Keranjang Batu Bersurat, di sini.

Perlawanan secara Round Robin itu menyaksikan TSK Jr

mengalahkan BBA dengan keputusan 30 - 10, manakala 24 - 16 menentang Wira Pori sementara 24 - 17 menentang Shooting Stars dan 16 - 12

semasa perlawanannya akhir menentang International School Brunei (ISB).

Ke muka 22

'Tertulis' juara Lagu Pilihan Anugerah Pelangi Ke-7

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Sabtu, 18 Januari. - Lagu 'Tertulis' oleh Ezah Hashim dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Lagu Pilihan Anugerah Pelangi Ke-7 yang berlangsung di Jerudong Park Country Club (JPCC) Ampitheatre, di sini.

'Tertulis' hasil ciptaan Ezah Hashim sendiri dan lirik ditulis oleh Sang Hikayat, merupakan salah sebuah lagu yang sering berkumandang di corong-corong radio.

Anugerah Eksklusif diberikan kepada Maria, iaitu sebagai pengiktirafan di atas sumbangan beliau dalam bidang seni nyanyian dalam negara, serantau dan antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah bagi Anugerah Eksklusif ialah Menteri Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sementara itu, Rapul Rezal pula diumumkan sebagai pemenang bagi Vokal Lelaki Pilihan dalam Anugerah Pelangi Ke-7 dan Kategori Vokal Wanita Pilihan pula dijuarai oleh Ezah Hashim.

Manakala bagi Kategori Vokal Duo / Kumpulan pula diraih oleh Alilah dan Irfan, sementara Kategori Artis Baru Pilihan menjadi milik Syafiqah Rosli.

Lagu Inspirasi Pilihan diberikan kepada lagu 'Semberono', komposer Juan Madial dan lirik oleh Aznniel Yunus, Afiq Wafi, Indra dan Juan Madial menarik perhatian penonton kerana kualiti nyanyian mereka sendiri.

Muzik Video Pilihan pula

dimenangi oleh lagu 'Rasa Ini Cinta' dan artisnya, Dila Junaidi, arahan Maman Shahrunezam dan terbitan Mancientry.

Setiap pemenang bagi setiap kategori telah membawa pulang wang tunai sebanyak BND2,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Anugerah Pelangi adalah satu penghargaan dan pengiktirafan RTB kepada artis-artis tempatan yang bergiat aktif dalam bidang seni muzik termasuk nyanyian dan penciptaan lagu.

Anugerah tersebut diadakan setiap dua tahun bagi membolehkan para penggiat seni menghasilkan lebih banyak karya yang berkualiti tinggi dan memartabatkan lagi industri hiburan tempatan di negara ini.

Program perkhidmatan radio ini buat pertama kalinya dikendalikan oleh Pelangi FM pada 10 Disember 2005 yang diadakan dua tahun sekali untuk membolehkan penggiat seni menghasilkan karya seni yang berkualiti dan bermutu tinggi.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan pada Anugerah Pelangi Ke-7, iaitu Vokal Lelaki Pilihan, Vokal Wanita Pilihan, Artis Baru Pilihan, Vokal Duo / Kumpulan Pilihan, Lagu Pilihan, Lagu Inspirasi Pilihan dan Muzik Video Pilihan serta Anugerah Eksklusif.

ANTARA persembahan yang memeriahkan Anugerah Pelangi Ke-7 (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir menyaksikan Anugerah Pelangi tersebut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Anugerah Pelangi Ke-7.



Menggapai Husnul Khatimah, impian setiap insan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi

Dari muka 1

Terdahulu, Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah telah diimamkan oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Program tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, para pegawai dari KHEU dan jemaah-jemaah masjid.

Program Makmurnya Masjid-masjid di negara ini merupakan landasan bagi umat Islam untuk menggandakan amal kebaikan dan meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.



ANTARA yang hadir dan mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Sentiasa Memohon Husnul Khatimah', disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Sahri bin Haji Sulaiman pada Program Masjidku Makmur Negara Berkat yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Mengiktiraf bakat bidang terjemahan



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam 2019 (kiri) semasa hadir dan menyempurnakan penyampaian hadiah pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah Terjemahan Mastera (HTM) 2019 itu.

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Buat julung kalinya, Hadiah Terjemahan Mastera (HTM) diadakan pada tahun 2019 dan ia terkandung dalam Projek Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) dengan tujuan untuk mengembangkan karya-karya berbahasa Melayu ke peringkat antarabangsa agar ia dapat dikenali, dibaca dan dikaji.

Di samping itu, HTM diadakan bagi mengenal pasti dan membangunkan bakat dalam bidang penterjemahan karya-karya sastera Asia Tenggara selain turut memberikan pengiktirafan bertaraf serantau kepada karya-karya terjemahan yang bermutu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam 2019 semasa berucap pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian HTM 2019 bertempat di Balai Sarmayuda, Ibu Pejabat DBP, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

DBP selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam akan terus berperanan penting dalam memastikan projek-projek Mastera diungkayahkan secara berterusan selaras dengan Pelan Strategik Mastera 2016 - 2020, jelas Awang Suip.

Pemangku Pengarah DBP turut menjelaskan, bahawa satu lagi

projek sedang dijalankan iaitu Sayembara Penulisan Kreatif Mastera yang dibukakan untuk mencari dan mengangkat karya-karya kreatif yang terbaik.

Beliau turut melahirkan harapan agar peserta akan tetap terus menanam iltizam yang tinggi dan berusaha menterjemah karya-karya besar negara yang memiliki falsafah dan nilai yang tinggi bagi mengangkat martabat serta mengembangmajukan Sastera dan Bahasa Melayu.

Seramai 24 peserta peraduan HTM menerima penghargaan peringkat negara dari DBP selaku Sekretariat Mastera, di mana lima peserta terbaik peringkat negara menerima wang tunai dan sijil pengiktirafan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah DBP selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis juga turut memberi penghargaan kepada Panel Pemilihan Karya dan Panel Penilaian Hadiah Terjemahan Mastera Peringkat Negara. Pada 28 September 2019, seorang peserta Brunei, Awang Abdul Baaqi bin Hisab diangkat dan diiktiraf sebagai penerima Hadiah Terjemahan bagi Negara Brunei Darussalam, di mana beliau menerima pengiktirafan peringkat serantau dari Mastera Singapura.

HTM 2019 merupakan pengiktirafan dan hadiah peringkat rantaui yang buat julung-julung kalinya diberikan oleh Mastera Singapura. Mastera sentiasa berusaha mengangkat martabat bahasa dan Sastera Melayu di peringkat negara, serantau Mastera dan antarabangsa.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kerajaan, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) dan Ahli Sidang Mastera Brunei Darussalam.



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip menyampaikan penghargaan kepada para peserta peraduan Hadiah Terjemahan Mastera yang menerima penghargaan peringkat negara daripada DBP selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) (atas dan bawah).



...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

PMB wujudkan masyarakat celik ilmu

Oleh : Noraisah Haji Muhammed

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Noraisah Haji Muhammed



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Pengerusi PMB bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang dikendalikan oleh Jabatan

Penerangan bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait mengadakan PMB bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait.

Majlis pembukaan program telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Rombongan telah dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai

Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Pengerusi PMB bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C'.

Dayang Ruhil Amal Faridah dalam ucapan alu-alunya menyentuh mengenai peranan sebagai rakyat patut bersyukur kerana menikmati perkhidmatan dan kemudahan sosial, kebajikan dan kesejahteraan seperti pendidikan, kesihatan dan perubatan, perumahan, pencegahan dan skim bantuan kerajaan merupakan peranan dan tanggungjawab penting terhadap masyarakat dengan melibatkan diri dalam kegiatan badan kebajikan dan persatuan setempat, kegiatan kebajikan, keagamaan dan sosial di peringkat kampung, mukim, daerah dan negara.

Beliau menekankan, adalah perlu selaku rakyat untuk melibatkan diri dalam majlis suka duka setempat, memberikan pemelulian dan bantuan kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik serta memberi kerjasama pada menjaga kesejahteraan dan kebajikan kampung seperti memucang-mucang, bergotong royong dan seumpamanya.

Pada program tersebut, para peserta juga diberikan maklumat terperinci mengenai Zakat Fitrah dan Zakat Harta daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang disampaikan oleh Pegawai Ugama



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait.

MUIB, Awang Haji Md. Fahmi bin Haji Abas bersama Pegawai Ugama, Awang Haji Zakaria bin Haji Ajak.

Antara yang dikongsikan adalah perkara-perkara mengenai keramaian amil di Negara Brunei Darussalam, keterangan bagi agihan-agihan zakat kepada golongan yang tertentu seperti

Asnaf Fakir Miskin, Asnaf Mualaf, Asnaf Amil, Asnaf Al-Gharimin dan Asnaf Ibnu Sabil.

Pihak MUIB juga mengongsikan projek-projek perumahan golongan daif fakir dan miskin, yang diungkapayakan bersama Jabatan Perdana Menteri.

Ke muka 10



PARA pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa memberikan taklimat pada PMB (kiri dan kanan).



PARA peserta PMB bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait ketika sesi bergambar ramai.

...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

PMB wujudkan masyarakat celik ilmu



Dari muka 9

Peserta juga berpeluang untuk mengutarkan soalan-soalan dan mendapat maklumat balas yang jelas daripada penyampai dengan baik.

Sementara pada sebelah petang, peserta PMB mendengarkan taklimat dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengenai Isu pencen dan bantuan yang disampaikan

oleh Pegawai Kaunseling dan Pemangku Timbalan Pengawal Pencen-pence Negara, Dayang Atiqah binti Ibrahim dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Awang Janapi bin Jian.

Antara yang dikongsikan ialah penerangan bagi jenis-jenis bantuan dan perkhidmatan seperti bantuan kebajikan bulanan, bantuan pekerjaan dan keusahawanan dan bantuan bencana dan perumahan.

Penerangan mengenai syarat-syarat penerima Bantuan Kebajikan Bulanan, permohonan pencen tua dan permohonan pencen-pence dan elau hilang upaya juga diterangkan semasa taklimat berkenaan.

Pihak JAPEM juga mengongsikan mengenai satu sistem baharu iaitu Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang mana ia akan mula beroperasi pada bulan Februari



PARA peserta PMB dibawa melawat ke Rimba Garden Central (kiri dan kanan).



PEMANGKU Ketua Kampung Mumong 'A' dan Kampung Mumong 'B', Awang Haji Md. Yusof bin Haji Dulamin.



PESERTA MPK Pandan 'C', K. Salim bin Abd. Karim.



AHLI MPK Pandan 'C', Awang Ismail Haji Mahran.



PARA peserta PMB menyaksikan antara tanaman yang terdapat di Rimba Garden Central (kiri dan kanan).



2020.

Ia merupakan sebuah sistem integrasi dari empat agensi iaitu Kementerian Pendidikan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, MUIB dan JAPEM.

Sistem itu dikhurasukan bagi penerima baharu, pembayaran bantuan dan pencen yang akan dibuat secara berfasa melalui bank tertakluk kepada pilihan penerima.

Peserta juga berkesempatan melawat Rimba Garden Central dan mendapat penerangan mengenai taman berkenaan yang disampaikan oleh Penyelaras Projek, Awang Jamalludin bin Haji Yusoff.

Beliau telah mendedahkan mengenai latar belakang RGC dan penerangan ringkas tentang cara memelihara dan menghias bunga-bunga agar sentiasa kelihatan elok, cantik dan segar serta subur.

Para peserta juga dibawa melawat tempat-tempat jualan bunga, tanaman bunga serta landskap yang menarik di kawasan berkenaan.

Pemangku Ketua Kampung Mumong 'A' dan Kampung Mumong 'B', Haji Md. Yusof bin Haji Dulamin ketika ditemu bual Pelita Brunei menyambut baik program tersebut dan berharap

agar usaha Jabatan Penerangan seumpama ini dilaratkan sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun memandangkan ia satu hal berupa pengetahuan yang penting untuk dikongsi sama dalam menangani perkara-perkara yang perlu diterangkan melalui pihak-pihak yang lebih arif serta layak dalam sama-sama ambil tahu hal ehwal semasa dan sekeling.

Sementara salah seorang peserta dari Kampung Mumong yang juga salah seorang Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pandan 'C', Awang Ismail Haji Mahran menyatakan beliau sangat beruntung menyertai program yang mengupas isu-isu berkaitan dalam mewujudkan masyarakat celik ilmu dan melaluiinya, ia dapat dikongsikan dengan yang lain.

Manakala seorang lagi peserta MPK Pandan 'C', K. Salim bin Abd. Karim melahirkan rasa puas hati dengan program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan memberi saran agar program seumpama itu dikekalkan kerana ia merupakan satu program yang benar-benar dapat memberi kesan serta penerangan yang dapat memberi penjelasan kepada hal-hal yang menjadi kemasukan kepada para peserta.

سُرْدَانُ سُuci

منكّن أمر معروف نهي منكر

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَتَقْوَا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ حَاصَّةً وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دان فليهار الله ديري كامو درقد (برلاكون) فتهه (يع مباوا بلاء بمحان) يغ
بوكن سهاج اكن منيمقا اورغ ۲ يغ طالم انثارا كامو سحارا خخصوص (تاتي
اكن منيمقا كامو كسموان)، دان كتهويله بهوا الله ساعه برت سيقسان،
جماعه يغ درجمي الله.

إيخله بهوا اكام إسلام ييات أكام يغ دتربيا منجادي اكام رسمى نكارا
كتيت اداله ساشه منيغونكين كهرمونين دان كسجهه وأن دالم هيادوف بركلوارك،
برمشاركة دان برلكارا، اوله ايت، باكى ميسناس دان منجكه كرلاكون فريبوتان
منكر يغ داعنكف ساكى جناهه ساد منوروت اونداغ ۲ شرع دان سيل دنكارا
اين، التارا اكتنسى كراجان يغ دامالهونكين دان دفرتعكوجواهونكين ايله فاسوكن
قوليس دراج بروني دان اكتنسى ۲ قعواوكوسان يغ لابن منوروت اونداغ ۲
اداله يغ برتعكوجواهاب انترق منكّن اونداغ ۲ باكى مفشيكن كامان،
كسلامان دان كسجهه وأن رعيه دان قيدودوق نكارا اين ستيساس ترجامين دان
ترفليهارا.

اكن تاتي، اين تيدق برمعنی بهوا كيت مبراهونكين توتسن بركتان
ستقوهن كقد، فاسوكن قوليس دان اكتنسى ۲ قعواوكوسان يغ لابن سهاج
اوله ايت، كرجسام درقد مشاركة دان جوك فيقه ۲ يغ بركتفيشن اداله ساعه
دهار فكين اكر سيف قولاكوان جناهه دافه دجككه دري برلاكون.

آخرين، خاص باكى فاسوكن قوليس دراج بروني سام ۲ لاه كيت بردعاء
برستقنا ۹۹ تاهون اوسيا قتووهون اكتر اي دافه منحالنونكين توتسن يغ تله
دفرتعكوجواهونكين دعن جوجور، أمانه، إخلاص دان دديكاسي، مادهمداهن
دعن دمكين نكارا كيت كل منجادي سيواه سجهاه دان
ستيساس مندافة فرليندوون سرت رجمة يغ برفتحن درقد الله سبحانه وتعالي،
امين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَلَتَكُنْ بِنَكُمْ أَمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ

وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَوْتِلِكُ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٣﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{سورة آل عمران آية: ۱۰۴}

تفسير:

دان هندقله اد انثارا كامو سکولوغون اومة يغ مبرو كقد كبحيقن
(كايپكين) دان مبوروه (بربووات) يغ معروف، سرت ملارغ درقد يغ منكر،
دان مريلك ايله اورغ يغ مندافة كمناغن.

بارك الله لنا في القرآن العظيم، وتفعنا بالأيات والآيات الحكيم. وتفتئل بما
تلاوة الله هو السميع العليم، وأستغفرا الله العظيم لي ولهم ولسائر المسلمين
وال المسلمين والمسلمات والمسلمات فاستغفروه في فوز المسلمين وياجدة
الثانية.

كاملة: مودهكين دان تيدق بوبليتكين سبوت تيدقون اكتر سمع دان موده
دتربيا، فرمان الله سبحانه وتعالي دالم سوره البقره آية: ۲۸۶

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

لَا يُكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ﴿٣﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

الله تيدق مبىي مسشور (دعن كواجين) ملابيك اف يغ ترديا اوهلن.

سلام ايت، رسول الله ﷺ تله ميري فندوان يغ حلش تنفع حارا

منكّن دان ملقتاكن تعكوجواهاب منجكه كمسكون، درقد أبو سعيد وصي

الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكِرًا فَلْيَغْرِهْ بِنِيهِ، فَإِنَّمَا يَسْتَطِعُ فَلِسْانَهِ،

فَإِنَّمَا يَسْتَطِعُ فَيْقَلِيهِ، وَذَلِكَ أَضَعْفُ الْإِيمَانَ

{رواه الإمام مسلم}

مقصودن:

بارغشاث انثارا كامو يغ مليهت كمنكرون، مك اوبله دعن تاغعن،

حلك تيدق مفو مك اوبله دعن لisan، دان جلك تيدق مفو مك اوبله دعن

هاتين، دان يغ دمكين اداله سلمه-له لغان.

حديث ترسبوت منحاسون بهوا ترداده تيك جارا دالم منجكه كمسكون

دالم سبواه مشاركة منوروت كاوفيان ماسيع ۲، انثارا:

فترات: مغاؤبه دعن تاغعن ييات مغاؤبه دعن كواس يغ اد فد ديري مسشور

معيكتوت كسمقون دان بيدغ كواس ماسيع ۲.

كدلوا: مغاؤبه دعن ليده ييات مغاؤبه دعن فرجاكن اتو لسان دعن ميري

تصححة دان بيمېيغن يغ بايك ييات سكيران تيدق مفو مغاؤبه دعن كواس.

كتيك: مغاؤبه دعن هاتي ييات دعن جارا مينجي كمنكرون ترسبوت دالم

هاتي دان ايله مروفاكن سلمه-له لغان.

جماعه يغ درجمي الله،

الله سبحانه وتعالي ملعنة اورغ ۲ يغ مقايلكين تعكوجواهاب مريلك التوق

منجكه كمنكرون سدغونكين مريلك بركواس اتو مفو اتوق ملاكوكن، كتهويله

اثيل كمنكرون تله دلاكوكن سحارا تراغ-تراغ دالم سبواه مشاركة تقا اد

راس تعكوجواهاب دان اوسيها اتوق منجكهين، مك كمنكرون اكين سماكين

منجادي-حادي دان كمنكرون ايت قول افيلي سوده يباس دليهت دان ددغره

مك كمنكرون ايت مولا داعنكف ساكى فركارا ريمه دان رينغ اتو

بياس ۲ سهاج، دان منجاديكن مشاركة تيدق لااكى مليهت كمنكرون ايت

سباكي ساتو دوسا دان كجاهتن، حال ايله يغ فرلو كيت سدرى سرت اوبيه

كران سيف كمنكرون اكين مغونداغ كهد دوسا، دان سيف دوسا ايت اكين

مغونداغ كهد كموركان الله سبحانه وتعالي، اوله ايت، داله تيدق مستحبيل

باكى الله سبحانه وتعالي اكين مغونداغ بلاه دان عذابن، كتهويله، بلاه دان

عذاب ايت يوكن هان اكن منيمقا اورغ ۲ يغ بربوات معصية بهون جوك كهد

سلوروه مشاركة يغ تيكل دفقة ايت، والوقون مريلك تيدق ملاكوكن فريبوتان

معصية ترسبوت، فرمان الله سبحانه وتعالي دالم سوره الأنفال، آية: ۲۵

برتفوى له كيت كفت الله سبحانه وتعالي دعن سيل-بر تقوى ييات
دعن منيغونكين كلماشون كفتون، سسغونه اورغ يغ فاليع ملبا دسيسي الله
سبحانه وتعالي ايله اورغ يغ فاليع برتفوى، مادهمداهن كيت منجادي إنسان
يغ ستياس مغایغاني الله سبحانه وتعالي، برأوله كچيان دان كسلامن دنبا دان
جوك داخريه.

جماعه يغ درجمي الله

أكام إسلام مغایغور كين كيت أومنن التوق ستياس منجاك كصلحتون
دان كسجههأن هيلوف سام اومة مانسي اكتر دافه ميماشون أخوه يغ
تکره، برسانو قادو دان يكرحسام، اوله ايت، باكى منجافي توجهان
تررسوت، إسلام مغایغور كين سقاي كيت ملقتاكن امر معروف نهي منكر
ييات مغایج كفت كيابيكن دان منجكه كمنكرون، درقد خذلقة بن اليام،
رسول الله ﷺ برسيدا:

وَالَّذِي نَفْسِي يَدِهِ لَنَافِرَنْ بِالْمَغْرُوفِ وَلَنَهْفَهُنْ عَنِ الْمُنْكَرِ أُولَئِكُمْ اللَّهُمَّ

أَنْ يَعْتَزِّعَ عَلَيْكُمْ عَقَابًا مِنْهُ فَلَا يَنْتَهُنَّ لَكُمْ

{رواه الإمام الترمذى}

مقصودن:

دمي الله يغ جيواكو برادا دتاغعن، كامو هاروس ملقتاكن امر
معروف دان نهي منكر اتو حل تيدق، مك الله اكن مغیريكن سيقسا،
كمدين كامو بردعاء دان تيدق دترها اوله الله باكيمو.

معروف برمقصود سكل فريبوتان اتو عمالى ترفوجي يغ منكّن ديري
كفت الله سبحانه وتعالي، سسغونه اورغ اداله سوات فرينته الله
سبحانه وتعالي يغ مسني دلقاتاكن اوله سيف اومة إسلام اكتر دافه ميستوق
سيواه مشاركة يغ امان دان سجههرا باكى مندافتون كريستان الله سبحانه
وتعالي.

منکلا منکر قول برمقصود سكل فريبوتان يغ منجاوهونكين ديري درقد الله
سبحانه وتعالي، دالم ارتى كات يغ لابن نهي منکر مروفاكن فرأتورن الله
سبحانه وتعالي يغ مسني دلقاتاكن دالم سبواه مشاركة ماھوقون نکارا اکثر
کچلار ۲۱ منکر سترت معصية، کظمان، فقائیان دان سماکین، تيدق برمهراج
لیلا دان مروسنکن نیلا ۲ کهیدون يغ مورنی ترأوتم نیلا ۲ أحارن اکام
إسلام.

جماعه يغ درجمي الله،
أوله يغدمنکن، كيت هندقله ستياس برسیکف عادل دان بیحقسان دالم
منکن امر معروف نهي منکر دمي ملبيهارا دان مولیاکن حکوم الله سبحانه
وتعالي، اوله ايت، اي فرلو کفت براف جارا دان فندکن سفرمان يغ تله
دسویکن دالم القرعان، انثارا:

فترات: مبوروه دان مبرو دعن جارا يغ بايك.

کدوا: ميري فراجون کفت مشاركة تنتع عقبية بورووق فريبوتان منکر.

کتیک: مغارخ دان مندایدیق مشاركة اکتر تيدق ترغاروه دعن انسور ۲ يغ بوله
مروسنکن عقیدة دان کمولیان آخلاق.

140 pelajar hadiri Taklimat Kenegaraan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Dalam usaha yang berterusan untuk menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris. Dalam taklimat tersebut, beliau telah menyentuh mengenai 'Raja Kita', tatacara yang betul mengibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dengan lebih terperinci.

Taklimat yang berlangsung di Dewan Kuliah, STPRI itu turut dihadiri oleh Pengetua STPRI, Dayang Tutty Hyrneeita binti Haji Abdul Latip dan Timbalan Pengetua Pentadbiran.

Seramai 140 pelajar dari Tahun 7 sekolah berkenaan menghadiri taklimat tersebut.



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (atas), sementara gambar kanan, Program Taklimat Kenegaraan turut dimeriahkan dengan Aktiviti Kuiz Kenegaraan.

Selain itu, program tersebut bertujuan untuk mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi khususnya dalam diri pelajar khususnya terhadap cintakan raja, bendera negara dan juga lagu kebangsaan.

Para pelajar juga berpeluang untuk menyaksikan beberapa tayangan video klip iaitu 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak

Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Program Taklimat Kenegaraan itu turut dimeriahkan dengan Aktiviti Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Pengetua Sekolah kepada pelajar yang berjaya menjawab kuiz tersebut.



ANTARA pelajar Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) yang hadir pada taklimat berkenaan (atas), sementara gambar kiri, Pengetua STPRI, Dayang Tutty Hyrneeita binti Haji Abdul Latip bersama guru-guru STPRI turut menghadiri Program Taklimat Kenegaraan itu.



WeCare sasar BND200,000 untuk projek misi kemanusiaan



ANTARA yang hadir pada Majlis Makan Malam Amal sempena Projek Misi Kemanusiaan Musim Sejuk Syria (Syria Warm Winter 2.0) di Dewan Al-Afiah Hotel (atas dan atas kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai dengan krisis yang melanda Syria, Persatuan KamiPrihatin (WeCare) mengadakan Majlis Makan Malam

Amal sempena Projek Misi Kemanusiaan Musim Sejuk Syria (Syria Warm Winter 2.0) bertempat di Dewan Al-Afiah Hotel, di sini.

Melalui majlis tersebut, ia diharapkan agar lebih ramai



masyarakat Brunei peka dan turut sama menghulurkan bantuan untuk pelarian-pelarian Syria yang menderita pada masa kini.

Turut diadakan pada majlis tersebut ialah sesi perkongsian daripada salah seorang wakil WeCare yang berkesempatan mengunjungi Kem Pelarian Syria di Lebanon pada hujung tahun lalu.

Dalam sesi tersebut, para peserta dideakah dengan kondisi realiti yang dihadapi oleh



MAJLIS Makan Malam Amal tersebut turut diserikan dengan penyampaian Tazkirah daripada Pegawai Pelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Hajah Siti Hanisah binti Haji Othman.

bakar, jaket sejuk, tempat perlindungan dan makanan asasi bagi pelarian-pelarian Syria di kem pelarian di Turki.

Orang ramai bolehlah mengambil peluang ini untuk memberi sumbangan melalui aplikasi BIBD - Bill Payment atau melalui mesin simpanan wang tunai ke Cash Deposit Machine.

Untuk keterangan lebih lanjut, layari media sosial @wecare.bn atau hubungi talian +673 8328319.

pelarian-pelarian Syria pada musim sejuk.

Projek Syrian Warm Winter 2.0 dilancarkan pada November 2019 sehingga 31 Januari 2020 yang mana sasaran pengumpulan dana untuk projek tersebut adalah berjumlah BND200,000 untuk diberikan kepada 40,000 orang pelarian Syria.

Dana yang disumbangkan daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan ditujukan untuk pembelian bahan

Semai semangat patriotisme



PENOLONG Pegawai Penerangan, selaku Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan taklimat (kiri), sementara gambar atas, Taklimat Kenegaraan turut dimeriahkan dengan Kuiz Kenegaraan.

TUTONG, Sabtu, 18 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah. Taklimat Kenegaraan

Siaran Akbar : Jabatan Penerangan
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, selaku Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai 'Raja Kita', tatacara mengibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan lebih terperinci.

Program ini merupakan salah satu usaha yang berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Selain itu, ia juga bagi mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat yang berlangsung

di Dewan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah itu turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Awang Eddy Nazrin bin Haji Seruji. Seramai 130 pelajar dari Tahun 7 sekolah berkenaan mengikuti taklimat berkenaan.

Seterusnya, pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat Kenegaraan tersebut turut dimeriahkan dengan Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut.



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Awang Eddy Nazrin bin Haji Seruji bersama seramai 130 pelajar dari Tahun 7 sekolah berkenaan dan para pegawai juga kakitangan Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong pada sesi bergambar ramai pada Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam itu.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦراغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 06/01/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 20 JANUARI 2020
TARIKH TUTUP : 03 FEBRUARI 2020

1. PEMBANTU KANAN PERKEMBANGAN UGAMA

C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III)
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/002/09

2. GURU UGAMA TERLATIH

G.2 (BAHAGIAN III)
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KEKOSONGAN = SEMBILAN BELAS (19)
2020/003/06

JABATAN KAJICUACA
BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI



TAWARAN BAGI
'THE SUPPLY AND DELIVERY OF
CORPORATE ATTIRE OF THE BRUNEI
DARUSSALAM METEOROLOGICAL
DEPARTMENT OFFICERS AND STAFF'
Bilangan Tawaran : JKBD / 2020 / SH-01

Tarikh Tutup :
RABU, 29 JANUARI 2020
SEBELUM JAM 2.00 PETANG

Penjualan dokumen tawaran
dan e-Dokumen ditutup pada :
ISNIN, 27 JANUARI 2020
SEBELUM JAM 3.00 PETANG.

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI


UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN



BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SM / (37)
2019-2020

KETERANGAN :

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR TONER SAMSUNG
ML-D3470B PRINT CATRIDGE
UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM
MERAGANG, JABATAN SEKOLAH-
SEKOLAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN BAGI TAHUN
KEWANGAN 2019-2020

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :**
BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]

Tarikh dibukakan :
15 Januari 2020

Tarikh tutup :
22 Januari 2020
[tidak lewat jam
2.00 Petang]



JABATAN UKUR
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JUA / 15 / 2019

AERIAL PHOTOGRAPHY, AIRBORNE
LIDAR ACQUISTION AND
GEOSPATIAL MAPPING PROJECT
OF BRUNEI DARUSSALAM

YURAN TAWARAN :
BND500.00

TARIKH TUTUP :
SELASA, 11 FEBRUARI 2020



Tajuk Tawaran 1:
RUBBER DEPOSIT REMOVAL
TO RUNWAY TOUCH DOWN ZONES
(Kelas II)

Bilangan tawaran :
JPA / AME / 2020-2022 / 01

Tarikh iklan / mengambil :
Bermula Sabtu, 11 Januari 2020
selama dua (2) minggu

Tarikh terakhir mengambil dokumen
tawaran :
Isnin, 3 Februari 2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

Tarikh tutup tawaran :
Selasa, 4 Februari 2020
(hingga jam 2.00 Petang)

Tarikh taklimat :
30 Januari 2020 (Khamis)
Jam :
8.00 Paggi hingga
11.00 Paggi
atau
1.45 Petang hingga
3.00 Petang


**JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran adalah dipelawa bagi :
**'THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, SET UP AND
TESTING OF STANDING AND
PORTABLE INTERACTIVE
SMARTBOARD FOR PUBLIC
WEATHER AWARENESS,
PROMOTIONAL AND OUTREACH
PROGRAM FOR BRUNEI
DARUSSALAM METEOROLOGICAL
DEPARTMENT'**

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2019 / SH-17

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Januari 2020, jam 2.00 Petang


**JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran adalah dipelawa bagi :
**'THE ISO 9001:2015 CERTIFICATION
TO QUALITY MANAGEMENT
SYSTEM FOR BRUNEI DARUSSALAM
METEROLOGICAL DEPARTMENT
FOR THE PROVISION OF
METEOROLOGICAL SERVICES'**

Bilangan Tawaran : **JKBD / 2020 / SH-03**

Tarikh Tutup :
**Rabu, 5 Februari 2020,
jam 2.00 Petang**


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 101 / 2019**

**MEMBEKAL DAN MEMASANG
LAMPU CUCUL BERTEMPAT
DEWAN KEMASYARAKATAN
LAMBAK KANAN I,
MUKIM BERAKAS 'B',
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 21 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG**


**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KENYATAAN BAGI
MENDAPATKAN TAWARAN
SEBUT HARGA**

**BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2019-2020 / 32 / UP.**

**TAJUK SEBUT HARGA :
QUOTATION FOR OPERATION
SWITCH ON AND OFF AND
MAINTENANCE OF DECORATIVE
LIGHTINGS AT BANDAR SERI
BEGAWAN FOR 36TH NATIONAL
DAY CELEBRATION 2020.**

**DAN KENDERAAN
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
TINGKAT 6
BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL
& PERDAGANGAN BUMIPUTRA
JALAN CATOR
BANDAR SERI BEGAWAN.**


**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
NOTIS SEBUT HARGA

**TENDER NO. :
RTB / K / 185 / 19 - 20
REPLACEMENT OF NOTEBOOKS
FOR SUPERVISORY ENGINEERS**

**Bayaran tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Salinan Kertas :
BND5.00 (jika perlu)**

**Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Januari 2020
(jam 2.00 Petang)**


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN
SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA
[BAHAGIAN MAKAN TENGAH HARI
- SECARA BERHIDANG]
BILANGAN TAWARAN :**



**1) KHEU / JPI / MM / SAR / 06
KETERANGAN :
SEKOLAH ARAB RIMBA
BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**2) KHEU / JPI / MM / SUAMP RIPAH, KATOK / 09
KETERANGAN :
SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA, KATOK BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Tarikh akhir mengambil borang tawaran :
Khamis, 27 Jamadilawal 1441H /
23 Januari 2020M**

**Tarikh tutup tidak lewat pada :
Selasa, 3 Jamadilakhir 1441H /
28 Januari 2020M
Tidak lewat jam 2.00 Petang**


**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**SEBUT HARGA BAGI :
6. STAINLESS STEEL DOME SET
COMPLETE WITH PORCELAIN
BOWL
(RUJ : JBP / TSH / 86 / 2019-2020)**

**7. MAINTENANCE OF LOCAL AREA
NETWORK INFRASTRUCTURE
(RUJ : JBP / TSH / 87 / 2019-2020)**

**TARIKH TUTUP / JAM :
Khamis, 23 Januari 2020, 1.50 Petang**

YURAN TAWARAN : BND5.00



IKLAN



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEBANKRAPAN NO. 223 TAHUN 2019

BIBD AT-TAMWIL BHD

- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**AWG. RUZAINI BIN HJ. AWG. TENGAH
(RBAF IC NO. 00-307303 /
ARMY NO. 16650)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Ogos 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Januari 2020, jam 10.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **21 Januari 2020, jam 10.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 24 Oktober 2019

KEBANKRAPAN NO. 231 TAHUN 2019

BAIDURI BANK BERHAD

- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**PENGIRAN MOHAMED ALIMAN
BIN PENGIRAN MAHMUD
(BYIC No. 00-259464)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 Ogos 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Januari 2020, jam 10.30 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 Januari 2020, jam 10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 28 Oktober 2019

KEBANKRAPAN NO. 247 TAHUN 2019

MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIBD BERHAD

- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**DAYANGKU SYAHIRAH BINTI
PENGIRAN MOHAMAD NAFIAH
(BYIC No. 01-059877)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Januari 2020, jam 11.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 Januari 2020, jam 11.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 November 2019

KEBANKRAPAN NO. 436 TAHUN 2019

PERBADANAN TAIB

- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**MARALI BIN MOHD. ALI
(BYIC No. 00-298368)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 25 Julai 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Januari 2020, jam 2.30 Petang**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 Januari 2020, jam 2.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 November 2019

NURUL HIDAYAH HAMDAN Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 446 TAHUN 2015

**TANG SOON WON
(trd as TSW Fidel Construction)**
- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**JOAN SYN JIN DINA KARAN @
NG TSIN JIN (trd as LECA Contractor)
(BPIC NO. 31-005739)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 Oktober 2016.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Januari 2020, jam 10.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 Januari 2020, jam 10.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 28 Oktober 2019

**NURUL HIDAYAH HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

KEBANKRAPAN NO. 133



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

JUALAN SECARA TAWARAN AWAM 45 UNIT PERALATAN IT

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemberong-pemberong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Pemberong-pemberong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada **20 Januari 2020 (Isnin) di Unit Kewangan, Tingkat 1, Pejabat Besar Pos, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, BS8611, Negara Brunei Darussalam dengan harga BND5.00 bagi setiap satu set (wang tidak dikembalikan) dengan membawa bersama Kad Pengenal asal .**

3. Pemberong-pemberong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah meliat barang-barang berkenaan bermula pada **27 Januari 2020 (Isnin) hingga 29 Januari 2020 (Khamis) , Waktu Pejabat bertempat : LOT. 1 - Post Office (MPC), Berakas .**

Pegawai dihubungi :
Azimah - +673 8637068
Shikin - +673 8659206

4. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

**Jabatan Perkhidmatan Pos
Peti Tawaran Tingkat 1
Unit Kewangan, Pejabat Besar Pos
Jalan Elizabeth II
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 Januari 2020 (Khamis) jam 2.00 Petang .**

TAHUN 2019

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BHD

- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**IBRAHIM BIN HJ. MOHAMMAD
(BYIC No. 00-291277)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Jun 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Januari 2020, jam 9.15 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 Januari 2020, jam 9.15 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 13 November 2019

**DK. SITI NURSU'AIDAH
PG. JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

6. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh Pihak Urus Setia dan dikehendaki untuk membayar secara **WANG TUNAI** dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya tidak dapat menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan menggunakan E-MEL.

7. Untuk keterangan lanjut, bolehlah menghubungi :

**Pg. Hj. Muhammad Iqbal Hakeem
bin Pg. Hj. Hashim
(hakeem.hashim@post.gov.bn)**

ATAU telefon bimbit +673 896205

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang Berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau akan disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa Penghapusan, Jabatan Perkhidmatan Pos dan pihak penjual berhati menawarkan kepada tertinggi kedua dan seterusnya jika tertinggi pertama gagal menjelaskan bayaran atau menarik diri.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindah barang-barang tersebut dalam tempoh **tujuh hari** dari tarikh bayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan (wang tidak dikembalikan) dan akan dijual kepada pihak kedua atau dilelong semula atau dimusnahkan.

11. Penjual tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan memindahkan peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan Tawaran.

IMBASAN MINGGUAN

TARIAN ... Persembahan daripada penari-penari Kebudayaan Malaysia yang turut serta dalam 'Citarasa Malaysia'. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



AKSI perlawanan di antara Tabuan dengan Rimba Star FC dalam perlawanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 16 Tahun (U16). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

MENARIK ... Solekan percuma daripada Nadia Heifi semasa The Glorious Wedding Solution 2020. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.

PARA penuntut Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengambil nota maklumat semasa Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PARA belia yang menyertai Kempen Kebersihan di Pantai Muara anjuran Dell. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Erat silaturahim melalui reunion



MENGABDIKAN gambar bersama keluarga tersayang yang sentiasa berada di sisi dan memberikan sokongan pada Majlis Jubli Perak Askar Muda Pengambilan Ke-17 di Vetiver Hills, Kampung Bunut.

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Seramai 13 orang diraikan pada Majlis Jubli Perak Askar Muda Pengambilan Ke-17 yang berlangsung malam tadi di Vetiver Hills, Kampung Bunut, di sini.

Menurut PW2 / M Hazimi semasa ditemu bual menjelaskan, selain

bin Abd. Bakar, 25 tahun selepas pengambilan Askar Muda Ke-17 tersebut, kini *reunion* tersebut menjadi platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim sesama mereka.

PW2 / M Hazimi semasa ditemu bual menjelaskan, selain

untuk mengeratkan hubungan silaturahim, mereka juga berhasrat untuk mengambil kesempatan tersebut untuk membantu sesama Askar Muda Pengambilan Ke-17 yang kurang bernasib baik.

Beliau dan rakan-rakan yang lain juga berhasrat untuk membantu bukan sahaja tertumpu kepada bekas anggota askar, bahkan kepada

orang-orang yang memerlukan di luar sana.

"Pengambilan ke-17 mempunyai seramai 22 anggota secara keseluruhan, oleh itu di kesempatan ini, di masa akan datang kami ingin membantu mana-mana anggota pengambilan ke-17 yang lain.

Kami berharap *reunion*

ini menjadi titik permulaan bagi kami untuk lebih bermanfaat kepada masyarakat, insyaAllah," jelas beliau lagi.

Askar Muda Pengambilan Ke-17 mula ditubuhkan pada 8 Januari 1995 yang secara keseluruhannya mempunyai seramai 22 anggota.

Berbelanja Bijak&Berhemat dengan aplikasi
PenggunaBijak
SmartConsumer



Dapatkan aplikasi dan muat turun di



Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui PenggunaBijak . SmartConsumer

HUBUNGI KAMI:
Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,
Negara Brunei Darussalam.
Tel : +673 2230223 (Waktu Pejabat)

Menyediakan pelbagai fungsi:

PENETAPAN HARGA MAKSIMA

Senarai barang yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

PERBANDINGAN HARGA

Perbandingan harga barang keperluan harian terpilih.

MEMBUAT ADUAN

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harga.

JUALAN & POTONGAN DISKAUN

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

PELINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

Beyblade semakin diminati



PERLAWANAN Beyblade yang diadakan di Ibiz Cafe and Barista mendapat sambutan menggalakkan.

TUTONG, Sabtu, 18 Januari. - Pengasas Bersama Beyblade Community Brunei (BBC), Awang Azirul bin Abdul Razak berkata, BBC ditubuhkan secara

rasmi pada bulan Ogos 2019 dengan tujuan mengerakkan hubungan silaturahim di antara keluarga dan juga penggemar permainan Beyblade di negara

ini.

Beyblade merupakan sejenis permainan sangat terkenal ketika ini yang menyerupai gasing moden dan diperkenalkan pada tahun 1990. Permainan Beyblade memerlukan dua pemain (*bladers*) berlawanan sesama sendiri. Format perlawanan mempunyai tiga pusingan dengan pemenang ditentukan oleh pihak yang mendapat tiga mata terlebih dahulu.

"Sambutan yang diterima daripada peserta perlawanan Beyblade adalah sangat menggalakkan, di mana ketika permainan ini mula diperkenalkan, seramai lebih 60 peserta telah mengikuti permainan ini dan kini, seramai lebih 250 peserta telah ikut serta dalam setiap perlawanan Beyblade yang diadakan di seluruh daerah," jelas Awang Azirul.

Sehubungan itu, BBC mengadakan Perlwanan Beyblade Kali Kedua Volume 2.0 bagi Kategori Terbuka di Daerah Tutong yang berlangsung di I-Biz

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Café dan Barista, Bangunan Irama Aman II, di sini. Lebih 130 peserta menyertai

perlawanan tersebut yang terdiri daripada semua peringkat umur.



ANTARA Beyblade yang digunakan pemain (*bladers*) pada perlawanan tersebut.

HALUAN

Warga emas pembimbing terbaik generasi terkini

Dari muka 2

Kita amat gembira produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh perusahaan-perusahaan ini turut diidung oleh rakan-rakan strategik melalui inisiatif *corporate social responsibility* mereka. Kita juga

telah menyediakan peruntukan bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) untuk memulakan perniagaan ataupun *social enterprise*.

Dalam ini, alhamdulillah, peramba / kaola / saya sukacita mengongsikan Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas baharu akan dilancarkan di daerah Temburong pada hari Isnin, 13 Januari

2020 ini dan di Daerah Belait pada bulan Februari.

Ini menunjukkan sokongan padu yang terus diberikan kepada golongan warga emas dan kita amat yakin PKWE akan terus bergerak maju dan akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli-ahli WARGAMAS, di samping menjalin dan mempereratkan lagi

rangkaian sosial dalam kalangan warga emas.

InsyaAllah, sebagai peneraju bagi kesejahteraan dan hak-hak para warga emas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat menantikan Pertubuhan WARGAMAS akan terus berganding bahu dan bekerjasama dengan pihak kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta bagi sama-sama memastikan semua objektif pelan tindakan berkenaan dapat dicapai demi kesejahteraan semua pihak yang berkenaan. Kita tetap bersedia dan mengalu-alukan sebarang cadangan kerjasama daripada Pertubuhan WARGAMAS demi membangun potensi warga emas dalam bidang perekonomian dan seterusnya membasmi kemiskinan dan pengangguran antara lainnya dalam kalangan masyarakat. Kita menantikan Kongres Warga Emas 2020 dan bagi hasilnya untuk diselaraskan dengan Pelan Tindakan Warga Emas.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi, dirakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Pertubuhan WARGAMAS dan semua pihak yang terlibat dalam penubuhan Pertubuhan WARGAMAS ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga tidak lupa diucapkan kepada Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS kerana telah sudi menjemput peramba / kaola / saya hadir bagi merasmikan majlis yang penting ini dan peramba / kaola / saya juga menyambut baik kehadiran Yang Dimuliakan dan Yang Mulia Penasihat-Penasihat Pertubuhan WARGAMAS pada pagi ini yang setentunya akan menyuntik semangat yang lebih tinggi kepada semua Ahli

Pertubuhan ini.

Peramba / kaola / saya amat yakin Pertubuhan WARGAMAS ini setentunya akan menambahkan lagi platform bagi warga emas negara untuk berinteraksi dalam perkumpulan yang positif dan membangun serta menyalurkan buah fikiran bagi sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam memastikan golongan warga emas akan dapat meneruskan kehidupan yang aktif dan menyumbang ke arah pembangunan negara yang inklusif dan mampan.

Semoga Pertubuhan WARGAMAS ini akan terus bergiat aktif dan membawa manfaat serta mencapai hasratnya untuk memperjuangkan hak dan keperluan ahli-ahlinya serta keseluruhan warga emas di negara ini, InsyaAllah.

Peramba / kaola / saya berdoa sekalian warga emas akan sentiasa diberikan rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Peramba / kaola / saya sudah ucapan ini dengan mengongsikan bahawa Islam mengingatkan kepada kita bahawa rumah dan masyarakat yang berkat adalah yang terdapat di dalamnya anggota keluarga dan masyarakat yang terdiri daripada orang-orang tua yang sentiasa dimuliakan dan terpelihara kebijakan dan kesejahteraan mereka.

Dengan itu, dan dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan kalimah Agung *Bismillahir Rahamanir Rahim*, peramba / kaola / saya dengan sukaditanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan WARGAMAS Yang Pertama.

Sekian. *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.*

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020
2. 'Manfaatkan Ledakan Revolusi Industri 4.0'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2020
3. 'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Wolves julang Piala Belia



PASUKAN Wolves menjulang Piala Belia Di Bawah 21 Tahun (U21) setelah menewaskan pasukan Setia Warriors pada Kejohanan Piala Belia U21.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Berlangsung selama 10 hari, Kejohanan Piala Belia Di Bawah 21 Tahun (U21) anjuran Persatuan Bola Keranjang Brunei akhirnya sampai ke penghujungnya, apabila pasukan Wolves berjaya menjuarai kejohanan tersebut selepas berjaya menewaskan Setia Warriors, di sini.

Tempoh masa tambahan lima

minit yang diberikan telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh pasukan Wolves meskipun mendapat persaingan sengit yang hebat daripada Setia Warriors di mana semakin mendesak untuk memintas mata perolehan mereka namun kemenangan masih berpihak kepada Wolves dengan kesudahan perlawanan 84 berbalas 83.

Julangan piala yang dimenangi

oleh Wolves sudah setentunya detik yang menggembirakan setelah mereka berhempas pulas menentang lima pasukan lain dalam perlawanan round robin sepanjang kejohanan tersebut yang bermula sejak 12 Januari lalu.

Setia Warriors yang beraksi cemerlang pada pusingan keempat sehingga menyamakan kedudukan 72 mata itu terpaksa akur tempat kedua untuk kali ini. Perlawanan yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Batu Bersurat itu



SEBAHAGIAN aksi perlawanan tersebut.

turut menyaksikan pasukan TSK memenangi tempat yang ketiga dan turut membawa pulang pingat serta piala.

Naib Presiden BBA, Vincent Pao turut hadir dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Setentunya, kejohanan ini telah menyuntik semangat kesukanan terutama generasi belia, sekali gus sama-sama mengembangkan mutu sukan ini ke peringkat antarabangsa.

Pelajar karate harumkan nama negara



PARA pelajar karate dari Sekolah Sukan Brunei dan Akademi Karate Sekolah Sukan tersebut berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa pada Kejohanan Karate Terbuka Antarabangsa Manuel Viegas Memorial 2020.

MANILA, Sabtu, 18 Januari. - Para pelajar karate dari Sekolah Sukan Brunei dan Akademi Karate

Sekolah Sukan tersebut berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak

dan dua pingat gangsa pada Kejohanan Karate Terbuka Antarabangsa Manuel Viegas

Memorial 2020.

Wakil-wakil dari Sekolah Sukan Brunei dan Akademi Karate Sekolah Sukan, Alexander Jacklya bin Dakius mengharumkan nama negara setelah meraih satu pingat emas dan satu pingat perak dalam Acara Kata Perseorangan, manakala Mohammad Adam Nawawi bin Mohammad Ishak dan Md. Zul Farhan bin Roslan, masing-masing berjaya memungut pingat gangsa dalam Acara Kumite Perseorangan setelah berjaya ke pusingan separuh akhir.

Jurulatih sukan karate di Sekolah Sukan, Mohammad Ishak bin Abu Bakar yang juga mengetuai pasukan negara melahirkan rasa gembira dengan pencapaian penuntut-penuntut yang menunjukkan peningkatan dan berharap pertandingan seumpama itu akan dapat memberikan peluang kepada penuntut-penuntut berpotensi untuk dijadikan platform bagi persiapan kejohanan yang lebih besar dan bertaraf Antarabangsa

pada masa hadapan.

Mohammad Ishak berhasrat untuk memperkembangkan dan memajukan bakat-bakat muda yang berpotensi untuk diserapkan ke pasukan kontingen kebangsaan bagi mewakili Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga merakamkan penghargaan atas sokongan dan kepercayaan daripada pihak Sekolah Sukan Brunei dan Brunei Karate Federation (BRUKAF).

Latihan karate di Sekolah Sukan terbuka untuk penyertaan orang ramai yang beminat.

Latihan dijalankan di Dewan Serbaguna Sekolah Sukan Kampung Pulaie, iaitu setiap Isnin dan Rabu, dari jam 7.30 malam hingga 9.30 malam, manakala pada Jumaat bermula dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Lebih daripada 400 peserta mengikuti kejohanan tersebut, yang terdiri dari Negara Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, dan Singapura, termasuk beberapa pemain kebangsaan dari Filipina.



Hasilkau tasbih dukung seruan Negara Zikir

Oleh : Pg. Hajah Fatimah

Pg. Haji Md. Noor

Foto : Ihsan Awang Haji Mohamad
Haranadi Haji Buntar

JANGAN ada istilah terlambat untuk memulakan sesuatu perniagaan. Asalkan minat dan kita berusaha mencapainya.

Itulah yang falsafah yang dipegang oleh Awang Haji Mohamad Haranadi bin Haji Buntar, 59, dalam perniagaan tasbih yang diusahakan.

Sebenarnya memulakan perniagaan ini, beliau hanya suka-suka bila melihat pelbagai jenis tasbih didapati dalam pasaran dan bermulalah minat untuk menghasilkan tasbih diperbuat daripada kayu pilihan sendiri dan mula mencari siapa yang boleh mengajarnya selain merujuk di media sosial seperti YouTube jika ada bahan-bahan yang boleh dirujuk untuk belajar membuat tasbih ini.

"Alhamdulillah saya dapat berguru dengan seorang ustaz yang memang

khusus membuat tasbih. Dari sinilah minat saya mula bersemi. Daripada hobi sekarang dijadikan perusahaan membuat tasbih secara kecil-kecilan," katanya.

Minat untuk membuat tasbih ini juga didorong oleh seruan yang sering kita dengar mengenai menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir. Setelah bersara dari Perkhidmatan Awam, beliau menumpukan sepenuh masa menyiapkan tempahan membuat tasbih dengan menubuhkan Syarikat Nur Ala Nur.

Nilai estetiknya pula diambil kira katanya pada keindahan, konsep, komposisi, pemilihan bahan, teknik dan kemasan dan mampu menambah nilai sebuah penghasilan berseri dalam karya ukiran tasbih.

Jenis bahan yang digunakan ialah kayu-kayu pilihan tempatan. Negara kita memang banyak mempunyai sumber kayu dan sebagianya digunakan sejak dahulu lagi.

Beliau menceritakan, seperti Kayu Semala yang dahulunya digunakan

untuk membuat gegawi. Kayu Nibong yang digunakan untuk membuat lantai dan tiang rumah di Kampong Ayer, Kayu Limpanas yang dipercayai boleh menakutkan binatang buas seperti ular, Kayu Malam, Bulian, Tolong Tolong, Bidara, Madang Sisek dan sebagainya.

Selain daripada kegunaan tersebut, kenapa kitani tidak olahkan kayu ini untuk dijadikan tasbih untuk berzikir, katanya dengan penuh bersemangat.

Kayu yang paling beliau suka ialah Kayu Semala kerana kayu ini mempunyai aroma harum. Kayu Nibong juga diminati ramai kerana keunikan tekstur kayu itu sendiri, di samping Kayu Bidara.

Tempahan

Menurut Awang Haji Mohamad Haranadi, tempahan juga banyak diterima, terutama sekali digunakan untuk menghantar dan membalaik berian pengantin, selain ditempah untuk majlis tertentu seperti majlis berbedak, persaraan dan sebagai cenderahati untuk pelancong.

Harga-harga ditawarkan berbeza bagi 33 biji atau 99 biji mengikut ukuran juga jenis kayu. Harga ditawarkan daripada BND30 hingga BND120. Satu tasbih boleh disiapkan dalam jangka masa empat hingga lima hari.

InsyaaAllah katanya, memang ingin memperluaskan perniagaan ini ke luar negeri. Kita banyak mempunyai jenis-jenis kayu yang unik di negara ini. Kenapa kita tidak cuba teroka kerana di alam tanah Melayu masyhur dengan berzikir.

Beliau juga ingin meneroka pasaran di Timur Tengah salah satu lagi masyarakat yang suka bertasbih. Selain daripada membuat tasbih beliau membuat gelang daripada kayu-kayu pilihan, di samping itu membuat sitat (butang) Baju Melayu yang selalu ditempah bila menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Tempahan boleh dibuat dengan menghubungi Awang Haji Mohamad Haranadi dengan menghubungi telefon bimbit +673 8780655.

Hari Keluarga MTIC eratkan silaturahim

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Dari muka 24

Sumbangan berupa cek bernilai BND6,000 tersebut telah diterima oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Haji Alimin.

Sambutan Hari Keluarga yang turut dimeriahkan dengan kehadiran warganya itu merupakan salah satu aktiviti tahunan yang diadakan oleh MTIC bersempena Hari Keluarga Kebangsaan. Sambutan Hari Keluarga dimulakan dengan sesi bergambar ramai yang diikuti dengan sesi senamrobik beramai-ramai.

Pelbagai aktiviti sukan dan riadah antaranya tarik kalat, pertandingan menarik teh



ACARA menarik yang disediakan bagi penyertaan warga MTIC dan keluarga, sekali gus mengerakkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai, kakitangan dan ahli-ahli keluarga juga untuk merapatkan lagi hubungan kekeluargaan dengan beriadah bersama-sama dan mengamalkan gaya hidup sihat (kiri dan kanan).

tarik, merambat, memasukkan air ke dalam botol dan bola sepak telah disediakan bagi

penyertaan warga MTIC dan keluarga, sekali gus mengerakkan lagi hubungan silaturahim di

antara pegawai, kakitangan dan ahli-ahli keluarga juga untuk merapatkan lagi hubungan

kekeluargaan dengan beriadah bersama-sama dan mengamalkan gaya hidup sihat.

TSK Jr juara Kejohanan Piala Belia Di Bawah 13 Tahun



PASUKAN TSK Jr bergambar ramai bersama jurulatih dan pingat kemenangan mereka selepas berjaya mengalahkan beberapa pasukan yang lain pada Kejohanan Piala Belia Di Bawah 13 Tahun.

Dari muka 7

Pada kejohanan itu, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mewakili pasukan ISB.

Shooting Stars terpaksa berpuas hati di tempat yang kedua dengan kelebihan kemenangan sebanyak tiga kali, iaitu 19 - 8 menentang ISB, 16 - 15 kepada Wira Pori dan memintas BBA dengan keputusan yang berkesudahan 28 - 8 mata.

Sementara itu, pasukan Wira Pori menduduki tempat ketiga pada kejohanan liga tersebut

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

apabila meraih kemenangan selepas menentang ISB dengan 24 - 3 dan 27 - 12 semasa bertemu dengan pasukan BBA.

Pemenang kejohanan berkenaan membawa pulang piala dan pingat masing-masing yang disampaikan oleh Setiausaha Agung Persatuan Bola Keranjang Brunei, Lim Fung. Kejohanan anjuran BBA itu disertai oleh pasukan ISB, Shooting Stars, Wira Pori, TSK Jr dan BBA.

Pertandingan seumpama ini merupakan inisiatif BBA ke arah memfokuskan pembangunan generasi muda sejajar dengan Wawasan Brunei 2035. Selain membentuk dan memperkembangkan sukan bola keranjang, BBA berharap golongan belia akan memperoleh nilai ketekunan, kerja keras, semangat berpasukan dan kemahiran kepimpinan melalui sukan bola keranjang.



DPMM FC, Tabuan Muda juara



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said semasa menyampaikan trofi juara bagi Kejohanan Liga Belia Bawah 16 Tahun disandang oleh Tabuan Muda (kiri). Sementara gambar kanan, Timbalan Setiausaha Tetap Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh semasa menyampaikan trofi juara bagi pemenang Liga Belia Bawah 19 Tahun disandang oleh DPMM FC.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Januari. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam (NFABD) telah menobatkan DPMM FC sebagai juara Liga Belia Bawah 19 Tahun,



Pengiran Haji Said.

Presiden NFABD, Pengiran Haji Matussin bin Pengiran Haji Matassan turut hadir menyaksikan perlawanan tersebut.

Dalam acara tersebut, Awang Mohd Aisan Aizuddin bin Abdullah Muhd. Aiman dari Kasuka FC dan Awang Mohd. Syaherrul Affendy bin Mohd. Syahmirul Nizam dari Tabuan Muda diumumkan sebagai Penjaring Terbanyak bagi Liga Belia Bawah 16 dan 19 Tahun.

Manakala Awang Mohd. Syafiq Al Azim bin Sharizam dari DPMM FC dan Awangku Mohd. Idzzaham Aleshahmezan bin Pengiran Metali dari Tabuan Muda diumumkan sebagai Pemain Terbaik bagi Liga Belia Bawah 16 dan 19 Tahun. Kasuka FC dan Rimba Star FC pula diumumkan sebagai penerima Fair Play Award.

Semasa perlawanan akhir Liga Belia Bawah 16 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah telah menyaksikan perlawanan antara DPMM FC dan Tabuan Muda yang berkesudahan seri 2-2.

Pada separuh masa pertama, perlawanan lebih dikuasai oleh DPMM FC sehingga ia berjaya memperoleh jaringan yang dilakukan oleh pemain jersi 2, Awang Mohd Akram Waqeel bin Bakri pada minit ke-5 dan menerusi pemain jersi 18, Awang Safwan Zawawi bin Sazalee pada minit ke-26.

Meskipun tiada jaringan dilakukan pada masa separuh masa pertama bagi Tabuan Muda, namun Tabuan Muda bangkit pada separuh masa kedua sekali gus berjaya menghasilkan gol pertamanya menerusi jaringan yang dilakukan oleh pemain jersi 9, Awang Mohd Syaherrul Affendy bin Mohd Syahmirul Nizam pada minit yang ke-36.

Empat minit masa tambahan dimanfaatkan oleh Tabuan Muda setelah berjaya menyamakan kedudukan mata hasil jaringan pemain jersi 10, Awangku Md Idzzaham Aleshahmezan bin Pengiran Metali.



ANTARA penyokong yang menghadiri perlawanan tersebut dan memeriahkan perlawanan tersebut (atas). Manakala gambar kanan, antara aksi perlawanan DPMM FC (jersi biru putih) dengan Tabuan (jersi kuning).

manakala Tabuan Muda muncul juara bagi Liga Belia Bawah 16 Tahun.

Naib juara bagi perlawanan Liga Belia Bawah 19 Tahun disandang oleh Kasuka FC diikuti tempat ketiga pula ialah Kota Ranger FC. Manakala naib juara bagi perlawanan Liga Belia Bawah 16 Tahun pula disandang oleh DPMM FC sementara Projek Ikan Pusu berada di kedudukan yang ketiga.

Penyampaian trofi serta piala

bagi pemenang Liga Belia Bawah 19 Tahun disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh. Manakala trofi serta piala kepada pemenang Liga Belia Bawah 16 Tahun disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.



12 pasukan sertai Kejohanan Bola Sepak Veteran

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



Team, PSJD Veteran, Pondok 12, MVFT, TJFT, P2K FT, Azam FT dan Starnine VFT.

Kejohanan yang dianjurkan oleh



MPK Penabai, Kuala Tutong itu diadakan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Tutong.

ANTARA aksi pada Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Orang Sepasukan Seluruh Negara yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penabai, Kuala Tutong tersebut (kiri dan kanan).

TUTONG, Ahad, 19 Januari. - Sebanyak 12 pasukan menyertai Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Orang Sepasukan Seluruh Negara yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penabai, Kuala Tutong. Kejohanan tersebut berlangsung di Padang dan Balapan Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Perlawanan peringkat saringan diadakan pada pagi 19 Januari, manakala perlawanan akhir pula diadakan pada sebelah petang pada hari yang sama. Antara pasukan yang ikut serta dalam kejohanan tersebut ialah PSJD MIX, SM FC, GKV FC 'B', GKV FC 'A', Top Up

Sukan

INFO SUKAN

KEJOHANAN Liga Super Brunei 2020 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) akan membuka tirainya dengan menampilkan 16 pasukan, iaitu juara bertahan MS ABDB, juara Piala FA Kota Ranger FC, DPMM FC, Indera SC, Kasuka FC, Wijaya FC, Panchor Murai FC, Rimba Star FC, IKLS-MB5 FC, Setia Perdana FC, BAKES FC, MS PPDB, Lun Bawang FC, BSRC FC, KB FC dan Akedemi Tabuan.



ePaper Pelita Brunei

Hari Keluarga MTIC eratkan silaturahim

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Januari. - Dalam sama-sama memeduli keperluan pelajar yang berkeperluan khas, penyerahan cek sumbangan hasil kutipan derma dan aktiviti amal warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pihak-pihak berkuasa telah diadakan di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Penyerahan cek tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti yang diadakan semasa Sambutan Hari Keluarga MTIC kelolaan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) yang disempurnakan penyampaiannya oleh tetamu kehormat, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof yang hadir bersama keluarga.

Ke muka 22

MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof ketika sesi memanaskan badan pada Sambutan Hari Keluarga MTIC kelolaan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD).



DBP 'B', KKBS rangkul juara



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan piala kepada juara bagi Kategori Terbuka pada Kejohanan Futsal Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2020, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 'B' (atas), sementara gambar kanan, antara aksi bagi Kategori Veteran yang menyaksikan pertemuan di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia Sukan (JBS) 'A'.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Januari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 'B' muncul juara bagi Kategori Terbuka pada Kejohanan Futsal Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2020 setelah menewaskan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Berada di tempat ketiga, Pusat Sejarah Brunei (PSB) 'A'.

Sementara bagi Kategori Veteran, gelaran juara dirangkul oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Tempat kedua milik Jabatan Belia Sukan (JBS) 'A'; dan tempat ketiga diraih oleh JBS 'B'.

Perlawanan akhir berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Majlis penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh KKBS, bermula sejak 14 Januari lalu.

Ia bertujuan untuk memberikan peluang kepada semua pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah KKBS, selain memupuk semangat perpaduan juga kerjasama dalam kalangan pegawai dan kakitangan di semua peringkat jabatan-jabatan di bawah KKBS juga mengeratkan dan mengukuhkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai juga kakitangan.

Sebanyak lapan buah pasukan menyertai kejohanan berkenaan, iaitu bagi Kategori Terbuka dan empat buah pasukan bagi Kategori Veteran.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'JAGA KEMASLAHATAN, KESEJAHTERAAN HIDUP SESAMA UMAT MANUSIA'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam